



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542

Ruj. Kami : KKM.600-31/5/1 Jld.3 (35)
Tarikh : 12 Julai 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/
Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL./2023: PENGUKUHAN PELAKSANAAN LARANGAN
PENERIMAAN INSENTIF DAN TAJAAN DI BAWAH PERKARA 5.4
TATA ETIKA PEMASARAN MAKANAN BAYI DAN PRODUK
BERKAITAN**

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan menjelaskan pengukuhan terhadap pelaksanaan Perkara 5.4 Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi Dan Produk Berkaitan dalam kalangan profesional dan anggota kesihatan di sistem penjagaan kesihatan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Resolusi Persidangan Kesihatan Sedunia 34.22 (*World Health Assembly, WHA*) yang dikeluarkan pada 21 Mei 1981 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization, WHO*) dan *United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF)* telah bersetuju untuk menerima pakai *International Code of Marketing of Breast-*

milk Substitutes bagi melindungi dan menyokong amalan penyusuan susu ibu serta pemakanan bayi dan kanak-kanak kecil. Malaysia merupakan salah satu negara anggota yang telah menandatangani persetujuan terhadap resolusi tersebut. (Resolusi ini telah disokong dengan 118 undian negara anggota menentang 1 dan 3 berkecuali). Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan di setiap negara anggota, *International Code* tersebut sentiasa dikemaskini dengan resolusi-resolusi WHA berdasarkan isu semasa dan keperluan terkini bagi melindungi amalan penyusuan susu ibu dan pemakanan bayi serta kanak-kanak kecil.

- 2.2 Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberikan komitmen dan sokongan kerajaan dengan menggunakan *International Code* tersebut dan resolusi-resolusinya dengan melaksanakan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan (TEPMBDPB) sejak tahun 1979. Dalam hal ini, TEPMBDPB telah disemak dan dikemaskini sebanyak 4 kali bagi memastikan pelaksanaannya yang lebih berkesan sejak tahun 1979.
- 2.3 TEPMBDPB tersebut menggariskan amalan etika bagi pengilang dan pengedar produk tersenarai (rumusan bayi, rumusan susulan, rumusan bayi khas, botol susu, puting susu, puting kosong dan mana-mana produk lain yang dituju atau dipasarkan bagi pemakanan bayi sehingga umur 6 bulan) dan makanan pelengkap serta profesional dan anggota kesihatan di sistem penjagaan kesihatan. Pemantauan terhadap pelaksanaan Tata Etika tersebut dibuat melalui Jawatankuasa Disiplin TEPMBDPB yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).
- 2.4 Bagi menangani isu percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) di antara anggota dan profesional kesihatan dengan syarikat pengilang dan pengedar susu formula bayi dan makanan pelengkap dalam melindungi amalan penyusuan

susu ibu dan pemakanan bayi dan kanak-kanak kecil, WHO melalui resolusi WHA 69.9 (2016): *Ending Inappropriate Promotion of Foods for Infants and Young Children* telah menggesa negara anggota untuk menghentikan segala bentuk aktiviti yang boleh menyebabkan percanggahan kepentingan. Antara yang digariskan adalah:

*“Companies that market foods for infants and young children should not create conflicts of interest in health facilities or throughout health system. Health workers, health systems, **health professional associations and non-governmental organizations should likewise avoid such conflicts of interest.** Such companies, or their representatives, **should not give gifts or incentives to health care staff; provide any information for health workers other than that which is scientific and factual; use health facilities to host events, contests or campaigns; sponsor meetings of health professionals and scientific meetings.**”*

*“Likewise, health worker, health systems, health professional associations and nongovernmental organizations **should not accept gifts or incentives from such companies; allow health facilities to be used for commercial events, contests or campaigns; allow such companies to directly or indirectly provide education in health facilities to parents and other caregivers; allow such companies to sponsor meetings of health professionals and scientific meetings.**”*

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Perkara 5.4 TEPMDPB menggariskan bahawa semua profesional dan anggota kesihatan hendaklah **TIDAK MENERIMA** sebarang produk tersenarai, penajaan atau insentif dalam bentuk tunai atau barangan daripada pengilang dan pengedar produk tersenarai.

3.2 Berdasarkan kepada perenggan 3 TEPMBDPB definisi berikut adalah dirujuk:

Anggota kesihatan bermaksud jururawat, pembantu hospital, pembantu perubatan, bidan, pegawai katering atau pekerja lain yang bekerja di dalam sistem penjagaan kesihatan.

Professional kesihatan bermaksud pentadbir hospital, doktor perubatan, pegawai pemakanan, pegawai teknologi makanan, pegawai dietetik, pegawai farmasi, pegawai pendidikan kesihatan, pekerja sosial perubatan dan penyelia jururawat yang bekerja di dalam sistem penjagaan kesihatan.

Sistem penjagaan kesihatan bermaksud institusi kerajaan, bukan kerajaan atau swasta ataupun organisasi dan persatuan yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan atau latihan dan pendidikan bagi golongan profesional dan kakitangan kesihatan.

Pengedar bermaksud orang perseorangan, syarikat atau badan lain yang bergiat dalam perniagaan, samada secara borong atau runcit, yang berkaitan produk tersenarai dan makanan pelengkap.

Pengilang bermaksud orang perseorangan, syarikat atau badan lain yang menjalankan perniagaan mengilangkan sesuatu produk tersenarai atau produk makanan pelengkap, sama ada secara langsung atau melalui agen atau seorang lain yang dikawal oleh atau di bawah perjanjian dengan pengilang tersebut.

3.3 Impak pelanggaran Perkara 5.4 TEPMBDPB:

- a) boleh menyebabkan percanggahan kepentingan (*conflicts of interest*) di antara anggota dan profesional kesihatan dengan pihak pengilang/ pengedar produk tersenarai dan makanan pelengkap;
- b) memberikan persepsi seolah-olah profesional dan anggota kesihatan membenarkan aktiviti penerimaan insentif/ tajaan yang jelas melanggar TEPMBDPB;
- c) memberikan persepsi seolah-olah syarikat pengilang/ pengedar produk tersenarai dan makanan pelengkap tersebut dan produk keluarannya diperakui oleh profesional dan anggota kesihatan; dan
- d) mencalarkan imej KKM dan negara di peringkat global yang telah memberikan komitmen untuk melindungi amalan penyusuan susu ibu dan pemakanan bayi dan kanak-kanak kecil.

3.4 Sehubungan itu, bagi tujuan pengukuhan pelaksanaan dan pengukuhan kepada Perkara 5.4 TEPMBDPB iaitu untuk menghentikan segala bentuk percanggahan kepentingan (*conflicts of interest*) seperti yang digariskan dalam resolusi WHA 69.9 (2016): *Ending Inappropriate Promotion of Foods for Infants and Young Children*, semua professional dan anggota kesihatan hendaklah **TIDAK**:

- a) menerima sebarang insentif dan penajaan dalam bentuk wang atau barangan daripada pihak pengilang/ pengedar sama ada bagi tujuan mempromosikan produk tersenarai/ makanan pelengkap atau tidak.

- b) menghadiri atau terlibat melalui apa jua cara dalam persidangan/ majlis/ webinar/ kursus atau apa-apa program yang dianjurkan oleh persatuan/ organisasi/ badan profesional yang ditaja oleh syarikat produk tersenarai/makanan pelengkap. Maklumat saintifik dan fakta berkaitan produk tersenarai/ makanan pelengkap perlulah ditapis dan diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Penapisan TEPMBDPB sebelum diedarkan kepada profesional kesihatan. Bahan maklumat tersebut hanya boleh diedarkan kepada anggota kesihatan di dalam majlis saintifik atau melalui profesional kesihatan;
- c) menghadiri atau terlibat melalui apa jua cara dalam persidangan/ majlis/ webinar/ kursus atau apa-apa program yang dianjurkan oleh syarikat produk tersenarai/ makanan pelengkap;
- d) menerima sebarang bentuk bantuan kewangan atau barangan untuk menjalankan projek penyelidikan. Walau bagaimanapun, hanya penerimaan produk tersenarai sahaja dibenarkan bagi tujuan penyelidikan, tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa penyelidikan. Kelulusan jawatankuasa penyelidikan di bawah sistem penjagaan kesihatan hendaklah meneliti sumber dana penyelidikan dan mengambil kira pelaksanaan TEPMBDPB;
- e) menerima sebarang produk tersenarai atau makanan pelengkap untuk dijadikan bekalan, sampel, cenderahati untuk diri sendiri atau untuk edaran semula; dan
- f) mempromosikan secara langsung atau tidak langsung syarikat dan jenama produk keluaran pengilang/ pengedar produk tersenarai dan makanan pelengkap. Contoh aktiviti adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada

pampangan logo syarikat/ jenama produk keluaran syarikat di *booth* pameran, trak makanan, pampangan poster, memberikan perkhidmatan sebagai pempengaruh (*influencer*) di platform media sosial dan media massa.

- 3.5 Semua profesional dan anggota kesihatan hendaklah mematuhi pelaksanaan TEPMBDPB dan memberikan sokongan yang kolektif kepada komitmen Malaysia dalam melindungi amalan penyusuan susu ibu dan pemakanan bayi dan kanak-kanak kecil yang dilaksanakan melalui dasar, polisi dan program di bawah KKM.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini adalah berkuat kuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan sehingga sebarang pembaharuan dimaklumkan.
- 4.2 Surat pekeliling ini hendaklah dibaca bersama buku Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan Pindaan Keempat bertarikh 1 Ogos 2008. Salinan buku ini boleh didapati di pautan laman web https://hq.moh.gov.my/nutrition/wp-content/uploads/2022/02/Tata_Etika_v2_merged.pdf

5.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung pengukuhan pelaksanaan Perkara 5.4 TEPMBDPB ini boleh dikemukakan kepada pegawai bertanggungjawab:

Unit Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan
Sektor Kolaborasi Industri
Cawangan Pemakanan Komuniti dan Inter-Agensi
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
No. tel: 03-8892 4476

6.0 PENUTUP


YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen daripada semua profesional dan anggota kesihatan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized 'M' followed by a horizontal line and a small flourish at the end.

(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan
Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Pembangunan, KKM

Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian, KKM

Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi, KKM

Pengarah Kanan
Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pengarah
Bahagian Perancangan, KKM

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan, KKM

Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Pengarah
Bahagian Pemakanan, KKM

Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional dan Kontemporari, KKM

Pengarah
Bahagian Kejururawatan, KKM

Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Pengarah
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun, KKM

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Audit Dalam
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Komunikasi Korporat
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Unit Integriti
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Timbalan Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

A. EDARAN DALAMAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah
Pusat Darah Negara

Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara

Pengarah
Institut Kanser Negara

Pengarah
Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan

Pengarah
Institut Perubatan Respiratori

Pengarah
Institut Kesihatan Umum

Pengarah
Institut Pengurusan Kesihatan

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan

Pengarah
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan

Pengarah
Pusat Kawalan Kusta Negara

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

Ketua
Pusat Penyelidikan Klinikal

Pengurus
Institut Kesihatan Negara

Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Jantung Negara

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Perubatan Malaysia

Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysian Healthcare Travel Council

B. EDARAN LUARAN

Ketua Pengarah
Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera
Kementerian Pertahanan Malaysia
Tingkat 12, Menara Mega Arena II
Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)
59100 Kuala Lumpur

Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Mukhriz
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Ya'acob Latif, Bandar Tun Razak
56000 Cheras, Kuala Lumpur

Pengarah
Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)
16150 Kubang Kerian, Kelantan

Pengarah
Hospital Al-Sultan Abdullah
UiTM Puncak Alam
42300 Puncak Alam, Selangor

Pengarah
Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor

Ketua Pegawai Eksekutif
Hospital UCSI
71010 Port Dickson, Negeri Sembilan

Naib Canselor
International Medical University (IMU)
2-15-01, Plaza Bukit Jalil (*Ho Hup Tower*)
No. 1, Persiaran Jalil 1
Bandar Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur

Naib Canselor
Perdana University (PU)
Suite 5.3, 5th Floor, Wisma Chase
Perdana, Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur
Malaysia

Naib Canselor
University of Cyberjaya (UoC)
Persiaran Bestari, Cyber 11
63000 Cyberjaya
Selangor

Naib Canselor
Mahsa University
Jalan SP 2, Bandar Saujana Putra
42610 Jenjarom
Selangor

Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia
(FPMPAM)
Unit 1.6, Level 1, *Enterprise 3B*
Jalan Inovasi 1, *Technology Park Malaysia (TPM)*
Lebuhraya Puchong - Sungei Besi
5700 Bukit Jalil, Kuala Lumpur

Presiden

Association of Private Hospital Malaysia (APHM)

A-17-01, Menara UOA Bangsar

No.5, Jalan Bangsar Utama 1

59000 Kuala Lumpur